

Kanak-kanak sakit buah pinggang

Sinar HARIAN (29/11/2020) M/S

18/19

- Turut dikenali sebagai sindrom nefrotik
- Pakar jelaskan perkaitan antara sistem imun dan genetik keluarga
- Apakah pendekatan rawatan efisien yang disyorkan?

Perunding Nefrologi dan Perubatan Am, Hospital KPJ Rawang, Dr Shafira Datuk Dr Mohamad Sha.

Memberi definisi secara ringkas, Dr Shafira memberitahu, sindrom nefrotik adalah satu keadaan yang mana buah pinggang pesakit mengalami kehilangan protein dalam air kencing sehingga menyebabkan aras protein dalam darah menjadi rendah.

"Sepatutnya tiada kandungan protein (0 gram) dalam air kencing seseorang. Biasanya, lebih protein di dalam air kencing pesakit sindrom nefrotik akan melebihi 3.5 gram sehari.

"Bukan itu sahaja, keadaan itu juga memerlukan kriteria seperti kurang albumin dalam darah. Biasanya, kadar albumin dalam darah adalah 3.5 hingga 5.9 gram/desiliter," jelasnya.

Namun demikian, kata Dr Shafira, hampir 90 peratus pesakit berjaya bebas daripada penyakit berkenaan walaupun terdapat kes berulang direkodkan.

KURANG albumin dalam darah juga antara faktor kanak-kanak mempunyai sindrom nefrotik.



- k. Phosphatase
- Bilirubin (Total/Direct)
- Glucose
- Albumin
- Globulin
- Total protein
- Fructosamine



Oleh **SITI FARAH ELIANI SOLLEH**

Katanya, secara am, gejala penyakit itu

disebabkan oleh kerosakan pada tisu

AZIMNYA, masalah buah pinggang akan dikaitkan dengan golongan dewasa. Namun, dari aspek perubatan, permasalahan itu juga boleh menyerang kanak-kanak termasuk bayi.

Menurut portal perubatan antarabangsa, *emedicine.medscape.com*, penyakit buah pinggang atau sindrom nefrotik boleh dikesan sejak bayi dalam kandungan lagi.

Portal itu juga mendedahkan, sindrom berkenaan terjadi antara dua hingga tujuh kes per 100,000 orang dan mempunyai nisbah 2:1 bagi lelaki dan perempuan di seluruh dunia.

Apakah sindrom nefrotik atau dalam bahasa mudahnya disebut sebagai ginjal bocor? Apakah tanda-tanda dan sejauh manakah keseriusan penyakit tersebut?

Mengulas lanjut mengenainya, *SinarPlus* mendapatkan ulasan **Pakar**

Tiada kaitan genetik

Kepada *SinarPlus*, Dr Shafira memberitahu, secara umumnya, sebab utama berlakunya sindrom nefrotik dalam kalangan kanak-kanak tidak diketahui.

Namun demikian, terdapat kajian mendapati, kemungkinan besar penyakit itu berkait rapat dengan sistem imun badan.

Sindrom nefrotik juga dikatakan tidak diwarisi dalam keluarga (tiada elemen genetik) dan ia turut tidak disebabkan oleh jangkitan yang khusus ataupun pemakanan yang salah, kata beliau.

Dalam pada itu, **Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Doktor Islam Malaysia, Dr Zubaidi Ahmad** menerusi entri Facebooknya berkata, sindrom nefrotik pada kanak-kanak dan dewasa mempunyai persamaan dan sedikit perbezaan dari segi punca-puncanya.

dibahagikan kepada dua kategori iaitu:

i) Sindrom Nefrotik Primer

Punca primer adalah satu keadaan apabila tiada penyebab-penyebab sistemik (penyakit lain) dapat dikesan. Ia juga diklasifikasikan sebagai sindrom nefrotik idiopatik dan merangkumi kondisi seperti *Minimal Change Disease (MCD)* dan *Focal-Segmental Glomerulosclerosis (FSGS)*.

Perkara yang perlu diketahui adalah punca primer merupakan penyebab majoriti kepada kes dalam kanak-kanak dengan kadar (kes) melebihi 90 peratus.

Ujar Dr Zabidi, apa yang dapat dirumuskan mengenai keadaan tersebut adalah kegagalan faktor imun menyebabkan serangan pada tisu *glomerulus* dalam buah pinggang. Gejala tersebut lebih dilihat pada kanak-kanak berbanding dengan orang dewasa. Kebiasaannya, jangkitan kuman atau selesama menjadi pencetus kepada penyakit itu.

ii) Sindrom Nefrotik Sekunder

Punca sekunder sindrom nefrotik biasanya dialami oleh orang dewasa. Ia

glomerulus dalam buah pinggang.

Menjawab pertanyaan apakah tanda-tanda seorang kanak-kanak boleh mendapat sindrom nefrotik, Dr Shafira menjelaskannya secara terperinci.

"Antara tanda-tanda kanak-kanak diserang sindrom nefrotik adalah berlaku pembengkakan yang sangat ketara pada bahagian anggota badan.

"Bengkak (*oedema*) sindrom nefrotik biasanya berlaku sekitar kaki, mata, tangan dan lain-lain.


"Ia seperti bengkak air yang terjadi akibat ketidakseimbangan protein dan cecair di dalam saluran darah yang menyebabkan limpahan ke kawasan anggota terlibat," katanya.

Selain itu, ujar beliau, kencing si kecil akan mengeluarkan buih.

Menjawab satu soalan lain, sindrom nefrotik kata Dr Shafira boleh disahkan melalui beberapa kaedah. Antaranya:

i) Pemeriksaan air kencing
ii) Pemeriksaan kuantitatif kandungan protein yang hilang dalam air kencing dalam sehari.

i) Air kencing boleh dikumpul dalam masa 24 jam bagi kanak-kanak yang lebih



SINDROM nefrotik bukan sahaja akan menyerang kanak-kanak, sebaliknya orang dewasa juga. Oleh itu, pastikan tahap kesihatan diri sentiasa dalam keadaan baik.

REDAKSI **sinarplus**



DR SHAFIRA

DR KHAMINI

Sinar HORIZON

29/11/2020

129/11/2020 M/S 19

besar atau orang dewasa. Bagi kanak-kanak yang kecil, satu sampel air kencing secara rawak pada waktu pagi boleh diambil.

ii) Ujian darah untuk paras protein (albumin) dalam badan, fungsi buah pinggang dan paras kolesterol.

iii) Paras kolesterol biasanya tinggi dalam kalangan kanak-kanak yang mengalami sindrom nefrotik.

iv) Ujian makmal lain yang perlu dilakukan bergantung kepada gejala klinikal kanak-kanak tersebut atau ditentukan oleh pakar.

Pemakanan sistematik, steroid

SinarPlus turut merujuk Pakar Pediatrik, Hospital Gleneagles Pulau Pinang, Dr Khamini Ramanujam mengenai topik yang diketengahkan *Medik* pada minggu ini. Beliau berkata, sindrom nefrotik terjadi melibatkan dua hingga 15 kes bagi setiap 100,000 kanak-kanak setiap tahun.

"Dalam kalangan kanak-kanak yang lebih besar dan orang dewasa, penyakit berkenaan boleh berlaku berikutan masalah perubatan yang lain seperti diabetes atau lupus *eritematosus* sistemik. Dalam erti kata lain, nefrotik boleh berlaku pada semua peringkat umur," katanya.

Namun demikian, ujar beliau, ia sangat kerap terjadi pada kanak-kanak.

"Untuk kanak-kanak, biasanya berlaku pada peringkat umur satu tahun setengah dan empat tahun selain kerap terjadi kepada lelaki muda," beritahu beliau.

Mengenai rawatan pencegahan, Dr Khamini berkata, ia boleh diatasi dengan mengambil kira aspek pemakanan iaitu mematuhi pengambilan protein makanan yang normal dengan kalori yang mencukupi.

"Doktor juga akan memberikan ubat steroid. *Kortikosteroid* adalah hormon yang berfungsi membendung sel darah putih

TANDA-TANDA
awal kanak-kanak yang menghidap sindrom nefrotik adalah berlaku pembengkakan pada bahagian anggota badan seperti pada mata.




Pun demikian, Dr Khamini berkata, ubat steroid mempunyai kesan-kesan sampingan seperti kerapuhan tulang, depresi, kenaikan berat badan dan lemah badan jika digunakan dalam tempoh yang lama.

"Oleh sebab itu, ubat steroid tidak digunakan sebagai ubat jangka panjang dan sering ditukar dengan ubat pengganti steroid," katanya lagi.

Selain itu, pesakit juga akan diminta untuk mengawal pengambilan cecair dan garam terhad.

"Pengambilan cecair mesti dihadkan mengikut jumlah air kencing yang keluar. Jumlah pengambilan cecair yang disarankan adalah bergantung kepada jumlah air kencing hari sebelumnya dan ditambah dengan 500 mililiter air yang hilang melalui proses selain daripada kencing (contoh pernafasan, berpeluh dan



SINDROM nefrotik yang merujuk kepada buah pinggang boleh sembuh jika dirawat, namun terdapat keberangkalian masalah itu akan berulang kembali pada masa akan datang.

ANEKDOT

RAWATAN dan pemantauan Sindrom Nefrotik

- Ubat yang disarankan untuk rawatan sindrom nefrotik dalam kalangan kanak-kanak ialah sejenis steroid iaitu *prednisolone*.
- Penggunaan *prednisolone* perlulah di bawah arahan seorang pakar pediatrik. Dos ubat dikira berdasarkan berat dan tinggi kanak-kanak.
- Kesan sampingan *prednisolone* akan meningkatkan selera makan, pengumpulan lemak pada perut dan muka serta sakit perut.
- Kebanyakan pesakit sindrom nefrotik akan menunjukkan respons positif dengan rawatan ubat *prednisolone*. Walaupun demikian, sakit ini kerap berlaku semula (dikenali sebagai *relapse*).

Tanda pertama keberkesanan ubat *prednisolone* adalah tiada protein dalam air kencing. Tanda pertama *relapse* adalah kemunculan semula protein dalam air kencing.

Oleh itu, pemantauan air kencing di rumah setiap hari dengan *urine dipstick* adalah amat penting untuk mengetahui keberkesanan rawatan dan mengesan sebarang *relapse*.

Sekiranya ujian *dipstick* adalah negatif untuk 3 hari berturut-turut, ini bermakna pesakit menunjukkan respons terhadap rawatan dan berada dalam *remission*. Ini biasanya berlaku antara 7 hingga 10 hari selepas pengambilan ubat *prednisolone* dan pembengkakan akan hilang

dan faktor-faktor keradangan.
"Prednisolone adalah ubat kortikosteroid yang sering kali digunakan untuk merawat gejala sindrom nefrotik dalam kalangan pesakit.

"Ubat ini akan diberi untuk durasi antara 30 hari hingga tiga bulan atau lebih, bergantung kepada respons pesakit," ujarnya.

lain-lain). Pengambilan garam mesti dikurangkan untuk mengelakkan penakungan cecair dan garam di badan," jelasnya.

Beliau menambah, ubatan diuretik juga akan diberikan untuk menggalakkan peningkatan pengeluaran air kencing yang mana mungkin perlu diberi melalui suntikan intravena.

"Oleh itu, sekiranya ibu bapa sudah mengenal pasti simptom-simptom sindrom nefrotik pada anak-anak kecil atau diri sendiri, maka segeralah ke klinik atau hospital untuk pemeriksaan lanjut.

"Penyakit itu mempunyai prognosis yang baik bagi majoriti pesakit dan disebabkan itu, pemeriksaan dan rawatan awal adalah amat digalakkan," katanya.

ubat prednisolone dan pembengkakan akan hilang. Sekiranya protein dalam air kencing adalah positif untuk 3 hari berturut-turut dan pembengkakan berlaku semula, pesakit dikatakan mengalami *relapse* dan segeralah berjumpa doktor. Pusingan baharu rawatan prednisolone akan dimulakan semula.

Sumber: <http://www.myhealth.gov.my/nephrotic-syndrome-in-childhood/>

Rieqal kerap menangis, kaki membengkak

DUA tahun lalu, ibu muda yang berusia 21 tahun ini telah berhadapan detik sukar apabila anak sulungnya disahkan mempunyai sindrom nefrotik iaitu penyakit yang berkait rapat dengan masalah buah pinggang seawal usia dua tahun.

Kepada *SinarPlus*, Norhidayah Che Mat atau mesra digelar Dayah berkongsi detik-detik mencemaskan itu baru-baru ini.

"Alhamdulillah, kini anak sulung saya, Rieqal Ikhwan Zaidi, 4, sudah pulih daripada sindrom itu. Tidak salah saya, hampir sembilan bulan juga Rieqal perlu menerima rawatan dan makan ubat yang diberikan," kongsi wanita yang berasal dari Pulau Pinang itu.

Mengimbau kembali bagaimana buah hatinya menghidap sindrom nefrotik, Dayah berkata, pada awalnya beliau melihat bahagian kaki anaknya yang membengkak dari semasa ke semasa.

"Pada waktu itu, anak saya masih tidak boleh bercakap untuk memberitahu penyakit sakit, tetapi beliau kerap menangis dan merengek.

"Namun demikian, melihat perubahan bengkak


yang semakin ketara, saya terus membuat keputusan untuk merujuk pakar," ujarnya yang juga mengakui pertama kali mendengar sindrom nefrotik pada masa itu.

Pada mulanya, Dayah hanya menganggap Rieqal hanya mempunyai alahan atau alergi pada makanan sahaja.

Namun, selepas beberapa kaedah pemeriksaan dijalankan, doktor mendapati kandungan kolesterolnya tinggi dan mengesahkan anaknya mempunyai penyakit berkenaan.

"Doktor juga memberitahu bahawa kes-kes sindrom nefrotik itu adalah sangat biasa dengan kanak-kanak dan orang dewasa. Doktor pun kata, insya-ALLAH dengan izin ALLAH, ia boleh sembuh apabila anak semakin membesar.

"Bukan itu sahaja, doktor juga memberitahu bahawa penyakit itu berkemungkinan besar boleh berulang lagi. Antara petua yang boleh dilakukan bagi mengelak diserang semula adalah sentiasa jaga pemakanan anak-anak," kongsinya.



IBU bapa perlu sentiasa peka dengan perkembangan anak-anak. Bawa segera si kecil berjumpa doktor sekiranya anak kerap menangis. Sebenarnya, ia merupakan signal jelas bahawa si comel itu sedang dalam kesakitan.